

Isikan tempat kosong dengan kata nafi yang betul.

tidak

bukan

1. Encik Razi _____ bapa saudara saya.
2. Mariam _____ gemar makan buah durian.
3. Sufiah _____ geli dengan lipas.
4. Amir _____ berasal daripada Johor.
5. Jam tangan itu _____ milik Zarif.
6. Akim _____ suka makan Nasi Dagang.
7. Baju itu _____ kepunyaan Saif.
8. Gelang itu _____ diperbuat daripada emas tulen.
9. Kereta itu _____ akan bergerak jika tidak diisi dengan minyak.
10. Barang itu _____ diimport daripada negara Jepun.
11. Jamil _____ murid yang pendiam di dalam kelas.
12. Farhana dipuji oleh Cikgu Kasim kerana _____ malas belajar.
13. Lelaki yang berbaju belang itu _____ Encik Samat.
14. Cenderamata itu _____ untuk murid-murid tahun Enam Bijak.
15. Hafiz _____ boleh makan masakan Tom Yam Campur kerana mempunyai alahan dengan makanan laut.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul mengikut konteks ayat.

bukan

tidak

1. Saya _____ murid tahun enam.
2. Kakak tetap ke bandar walaupun masih _____ sihat.
3. Negeri asal Nabil _____ negeri Kedah.
4. Ramai murid yang _____ hadir kelas tambahan subjek Matematik hari ini.
5. Kami _____ datang daripada keluarga yang senang dan kaya-raya.
6. Ibu memberitahu adik bahawa mainan itu _____ kepunyaan dia.
7. Cikgu Anis _____ guru kelas kami.
8. Encik Ahmad _____ suka memegang jawatan sebagai seorang Ketua Kampung.
9. Kalau tugasan ini _____ dilakukan secara bersama-sama, pasti tidak dapat diselesaikan dengan cepat.
10. Mata pelajaran Sains _____ mata pelajaran kesukaan Rania dan Atif.
11. Aida _____ sahaja pintar, tetapi juga _____ sombong.
12. Akmal dan Hariz _____ adik-beradik kandung.
13. Orang tua itu kelihatan cengkung dan kurus kerana _____ makan nasi pada waktu malam.
14. Zana _____ berminat untuk menyertai pertandingan tarian itu.
15. Cincin itu _____ untuk disarung di jari manis wanita yang bertudung merah.